

19 JUN 2003

Umno-Reaksi (BN)

BERI PERHATIAN SERIUS ANCAMAN LUAR UNTUK TUKAR K'JAAN M'SIA

KUALA LUMPUR, 19 Jun (Bernama) -- Beberapa pemimpin parti komponen Barisan Nasional (BN) menyifatkan peringatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, supaya rakyat Malaysia berwaspada terhadap perkembangan luaran yang boleh mengancam negara sebagai sesuatu yang perlu diberi perhatian serius.

Mereka berpendapat bahwa saranan Presiden Umno itu bukan hanya untuk Umno tetapi juga kepada semua parti komponen BN bagi terus mempertahankan negara daripada dijajah semula tanpa disedari.

Presiden MCA Datuk Seri Ong Ka Ting berkata rakyat Malaysia perlu sentiasa berhati-hati terhadap ancaman dan cabaran luaran kerana kelalaian yang berlaku boleh mengakibatkan negara tergedai.

Katanya, bangsa "orang putih" sama ada bangsa Amerika Syarikat, Eropah dan Australia merupakan bangsa yang mempunyai cita-cita besar untuk menguasai dunia.

"Jadi bagi Malaysia, bukan sahaja Umno tetapi semua parti komponen BN sepatutnya berwaspada dan bersatu padu untuk memastikan kemerdekaan Malaysia berada dalam tangan orang Malaysia... pastikan kedaulatan negara kita," katanya.

"Semua parti komponen BN perlu mengambil serius pandangan dan nasihat ini kerana sekiranya tidak berwaspada, satu hari nanti kuasa barat atau bangsa Eropah boleh menyusup masuk tanpa kita sedari," katanya.

Dr Mahathir ketika menyampaikan ucapan dasar dan merasmikan Perhimpunan Agung Umno ke-54 di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini hari ini berkata, Malaysia tidak terkecuali daripada menjadi sasaran kuasa asing yang berazam untuk menukar kerajaan demokratik di negara ini sama seperti yang dialami oleh beberapa buah negara lain.

Presiden MIC Datuk Seri S. Samy Vellu berkata Perdana Menteri terus mengekalkan tradisi untuk mengajak rakyat memikirkan mengenai masa depan mereka dan negara.

Katanya, politik kebangsaan dan antarabangsa yang dibangkitkan dalam ucapan itu adalah penting dalam usaha memajukan negara dan rakyat.

"Nasihat beliau kepada ahli-ahli politik perlu diberi perhatian. Beliau menyatakan apa yang sememangnya diharapkan daripada Umno. Saya berpendapat ia bukan sahaja melibatkan Umno tetapi semua parti komponen lain," kata Samy Vellu kepada Bernama.

Beliau berkata peringatan Dr Mahathir kepada rakyat pelbagai kaum supaya mengekalkan perpaduan adalah tepat masanya terutama dalam menghadapi cabaran arena antarabangsa.

"Kita semua perlu berusaha memenangi hati rakyat supaya BN terus menerajui negara. Kita perlukan mandat lebih besar kerana kita telah melakukan yang terbaik untuk rakyat," katanya.

Bekas Speaker Dewan Negara, Tan Sri Michael Chen berkata Dr Mahathir tidak jemu-jemu mengingatkan anggota Umno dan rakyat seluruhnya supaya bekerja keras bagi mencapai kejayaan lebih besar.

Chen berkata rakyat perlu memberi perhatian terhadap nasihat itu dan mencontohnya dalam membangunkan negara.

Sebagai ucapan dasar terakhir pada perhimpunan itu, Chen berkata: "Beliau tentunya mahu meninggalkan parti yang dipimpin bertahun-tahun agar terus membawa obor yang telah menyinar sejak sekian lama."

Presiden Gerakan Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik pula berkata semua anggota parti komponen BN perlu mengutamakan perpaduan bagi melindungi parti

daripada ancaman dan cabaran luaran.

Katanya setiap anggota parti komponen perlu berkorban demi kepentingan parti, melebihi kepentingan peribadi.

"Bukan sahaja untuk Umno (mengutamakan perpaduan) tetapi untuk semua parti komponen, dan jika boleh diamalkan oleh rakyat, mereka boleh fikirkan apa yang mereka boleh buat untuk negara dan bukan apa yang kita boleh buat untuk diri sendiri," katanya.

Naib Canselor Universiti Teknologi MARA (UiTM) Datuk Seri Prof Ibrahim Abu Shah berkata pelajar harus memahami mesej Dr Mahathir agar tidak diperalatkan oleh kuasa asing untuk menukar kerajaan demokratik di negara ini.

Beliau berkata pelajar perlu sedar bahawa "regime change" adalah tidak mustahil untuk berlaku di negara ini dan harus berhati-hati daripada menjadi alat kuasa asing untuk menguasai negara ini.

"Jangan ingat ini satu momok sahaja, lihatlah sejarah (regime change) negara-negara lain seperti di Amerika Selatan, jatuhnya rejim-rejim di Afrika dan di negara-negara Arab," katanya.

-- BERNAMA

ERE LES ZS ROS